

Pendidikan Seksual Menurut Surah Al-Nur: Peranannya Dalam Mencegah Ketagihan Pornografi

[Sexual Education According to Surah Al-Nur: Its Role In Preventing Pornography Addiction]

Mariyah binti Ishak (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Perlis, mariyah@kuips.edu.my

Noor Hazirah binti Abdul Aziz

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Perlis, noorhazirah@kuips.edu.my

Nurul Husna binti Mat Isa

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Perlis, nurul.husna@kuips.edu.my

Nor Athirah binti Mohamed Indera Alim Sah

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Perlis, norathirah@kuips.edu.my

Nurul Faezah binti Yahaya

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Perlis, faezahyahaya@kuips.edu.my

*Article
Progress:*

*Submission date:
01-12-2023*

*Accepted date:
20-12-2023*

ABSTRACT

This article discusses the importance of Quran-based sexual education and its application in preventing pornography addiction within society. In this study, the researcher will discuss on several verses from Surah Al-Nur that contain fundamental guidelines for sexual education in Islam, aimed at preserving dignity and self-respect, particularly in addressing the issue of pornography. As a backdrop to this research, data from a 2018 study conducted by Malaysian Against Pornography (MAP) revealed that an estimated 80% of children aged 10 to 17 had been exposed to pornography. This global issue, if left unchecked, can lead to addiction and contribute to other forms of sexual misconduct such as adultery, unwanted pregnancies, extramarital sex, and more. Pornography addiction also exerts a negative influence on emotional and physical health, disrupting an individual's functioning within the family and society. To tackle this issue, sexual education from an Islamic perspective must be implemented from an early age as a preventative measure against falling into the trap of pornography. The methodology used in this research involves content analysis of various tafsir books and a review of relevant scholarly studies on this topic. The research findings demonstrate that Islamic Shariah provides clear guidance and principles in the realm of sexual education, aiming to preserve one's dignity and prevent involvement in pornography. These principles include lowering one's

gaze, maintaining chastity, and promoting marriage as a means of upholding one's honor.

Keywords: *al-Quran; Islam; pornography; sexual education; surah al-Nur;*

PENGENALAN

Ketagihan pornografi adalah suatu masalah sosial yang bersifat global dan berlaku di setiap pelusuk negara di dunia. Ia tidak hanya melibatkan golongan dewasa semata-mata, namun penglibatan bawah umur seperti remaja dan kanak-kanak juga makin meningkat. (Mapuzah & Azlina, 2023). Media melaporkan, Malaysia menduduki tempat pertama di Asia dan keempat seluruh dunia di bawah Slovakia, Bulgaria dan Ireland sebagai antara negara tertinggi melayari salah satu laman pornografi terkenal berdasarkan statistik pelawat yang dikeluarkan oleh laman tersebut. Berdasarkan statistik tersebut, jumlah trafik pelawat yang mengakses laman tersebut di seluruh dunia melonjak sehingga 11.6 peratus daripada hanya 6.5 peratus sejak bulan Mac 2020 semasa kebanyakan negara melaksanakan perintah berkurung untuk mengekang penularan wabak Covid-19. (SKMM Portal, 2022).

Berikutan masalah yang semakin membimbangkan ini, semua pihak haruslah berganding bahu dengan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk membendung isu ini. Salah satu usaha yang dapat dilakukan ialah dengan menerapkan pendidikan seksual dalam diri anak-anak dan remaja bagi tujuan membina kefahaman dan jati diri yang kukuh dalam berhadapan dengan arus teknologi dan dunia tanpa batasan. Walau bagaimanapun, perbincangan secara terbuka berkaitan pendidikan seksual masih lagi menjadi tabu dalam sebahagian golongan di Malaysia disebabkan tanggapan mereka bahawa topik ini berasaskan pendidikan liberal Barat yang mempromosikan seks selamat (*safe seks*) sebagai tujuan utama.

Namun begitu, jika dilihat dari perspektif Islam, konsep pendidikan seksual bukanlah sesuatu yang kotor dan perlu dielakkan, bahkan kita akan dapati banyak panduan daripada al-Quran dan Sunnah berkaitan perkara ini. Abdullah Nasih Ulwan menggariskan beberapa kaedah pendidikan seksual yang bersandar kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW, antaranya ialah etika meminta izin, etika melihat, menghindarkan anak dari rangsangan-rangsangan seksual, mengajarkan hukum kepada anak apabila tiba masa baligh, perkahwinan dan juga tatacara hubungan suami isteri.

Menurut Nawangsari (2015), pendidikan seksual (*sex education*) adalah pendidikan mengenai kesihatan alat reproduksi. Ia merupakan penerangan tentang anatomi fisiologi seks manusia, tentang bahaya-bahaya penyakit kelamin dan sebagainya. Ia juga bertujuan agar seseorang dapat memahami erti, fungsi dan tujuan seks, sehingga sampai waktunya nanti mereka dapat menyalurkan naluri seks secara benar. Selain itu juga, pendidikan seksual bertujuan memberikan pemahaman tentang perilaku pergaulan yang sihat serta risiko-risiko yang terjadi berkaitan masalah seksual. Di Malaysia, pendidikan seksualiti dalam erti kata ini sudah diterapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan seawal sekolah rendah.

Kajian ini diharap dapat memberi gambaran tentang isu ketagihan pornografi serta kepentingan memberi didikan yang betul berlandaskan al-Quran bagi mengekang masalah ini. Kajian ini bertujuan mengenalpasti panduan-panduan yang terdapat di dalam al-Quran dengan menganalisis tafsir beberapa ayat daripada surah al-Nur yang merupakan asas kepada pendidikan seksual dalam Islam. Ia juga akan membahaskan tentang hubungkait pendidikan seksual dari kacamata Islam dan peranannya dalam membendung masalah ketagihan pornografi terutamanya di kalangan remaja.

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan oleh ANS Dzuren et al. (2021) terhadap 116 orang responden menunjukkan akses kepada bahan pornografi adalah mudah dan merupakan satu rutin bagi responden kajian. Apa yang merisaukan ialah bahan pornografi bukan sesuatu yang asing bagi responden sejak usia kanak-kanak lagi. Pendedahan kepada pornografi yang berlaku di negara ini bukan sahaja melibatkan golongan dewasa malah turut melibatkan golongan remaja yang merupakan individu yang diharapkan menjadi pelapis kepimpinan negara. Ancaman pornografi di media sosial yang pelbagai dan penggunaan gajet secara bebas sangat merisaukan kita dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pelbagai pihak. Peluang dan ruang yang tersedia untuk mereka mengakses laman sesawang menuntut ibu bapa untuk sentiasa peka dan memantau aktiviti anak-anak di rumah. (Azrina, et.al., 2021)

Ini disebabkan pornografi tidak hanya memberi kesan kepada fizikal atau tingkah laku seseorang tetapi implikasi yang paling besar pornografi dapat dilihat dari segi perkembangan sahsiah diri remaja terutama dari segi perkembangan rohani remaja. Namun, jika perkembangan yang ada digunakan sebaik mungkin dengan menjadikan Islam sebagai pegangan yang utama akan mampu memudahkan kehidupan seharian manusia untuk pelbagai tujuan yang bermanfaat. (Amirul & Noraini, 2020)

Selain pemantauan terhadap aktiviti anak-anak, ibu bapa perlulah berperanan sepenuhnya dalam membimbing dan memberi pendidikan berteraskan al-Quran dan Sunnah sebagai asas kehidupan. Islam sebagai sebuah agama yang menjunjung nilai-nilai pendidikan sangat menganjurkan kepada ibu bapa agar sentiasa memberikan bekalan pendidikan kepada anak bermula dari dalam kandungan sehingga mencapai usia akil baligh. Salah satu pendidikan yang wajib diberikan oleh ibu bapa kepada anaknya adalah pendidikan seksual. Perkara ini perlu dilakukan kerana ia akan memberikan pengaruh besar terhadap perilaku anak di kemudian hari. (Alimuddin, 2019).

Pendidikan seksual pada dasarnya adalah usaha membimbing serta mengasuh seseorang agar faham tentang makna, fungsi, dan tujuan seks sehingga ia dapat menyalurkan secara baik, benar, dan betul menurut syariat. Pendidikan seksual bagi anak begitu penting, contohnya dengan cara memisahkan tempat tidurnya, peka terhadap tanda-tanda akil baligh, memberi panduan kepada anak-anak agar menggunakan waktu dengan sebaiknya, berusaha menjaga pandangannya daripada yang haram serta mendidiknya untuk menutup aurat. (Riris, 2017)

Menurut Islam, pendidikan seksual tidak dapat dipisahkan dari Al-Qur'an bahkan dibangunkan sepenuhnya di atas landasan Al-Qur'an. Dengan mengajarkan pendidikan yang sebegini, diharapkan akan terbentuk individu yang menjadi manusia dewasa dan bertanggung jawab, baik lelaki maupun perempuan. Hal ini juga bertujuan supaya individu tersebut mampu berakhlak dengan cara yang benar, bertanggung jawab terhadap kesuciannya, serta dapat menyesuaikan diri terhadap persekitarannya. (Alimuddin, 2019).

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengkaji konsep pendidikan seksual dalam Islam berdasarkan kepada tafsir surah al-Nur dan peranannya dalam membendung ketagihan pornografi. Kaedah analisis kandungan diaplikasi dengan mengkaji ayat-ayat al-Quran daripada beberapa kitab tafsir yang muktabar. Penulis juga turut merujuk kepada beberapa kajian terdahulu daripada buku-buku, jurnal ilmiah dan portal rasmi yang bersesuaian bagi menyokong kajian yang dijalankan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PENDIDIKAN SEKSUAL DALAM ISLAM DAN PERANANNYA DALAM MENCEGAH PORNOGRAFI

Istilah "*pornography*" berasal dari "*porneia*", perkataan Greek untuk pelacur. Istilah ini membawa makna "penulisan tentang pelacur". Pornografi pula bermaksud bahan bertulis atau visual yang merangsang keinginan seksual, dan bertujuan untuk memberahikan pemerhati atau pembaca. Ia juga dikenali sebagai "*porn*", "*smut*" dan bahan-bahan lucu. (MyHealth Portal, 2012). Ketagihan pornografi merupakan satu perbuatan menonton atau melihat bahan pornografi secara melampau atau kerap dan susah untuk ditinggalkan oleh mereka yang terlibat. Ketagihan pornografi yang berlaku dalam kalangan rakyat di Malaysia tidak hanya melibatkan golongan dewasa tetapi turut melibatkan golongan bawah umur seperti kanak-kanak dan remaja.

Ketagihan pornografi sememangnya tidak boleh diambil mudah kerana memberi kesan yang buruk terhadap sahsiah diri remaja seperti terlibat dengan hubungan seks pra nikah. Hal ini disebabkan pornografi mampu memberi kesan negatif kepada kawalan diri dan otak sehingga terlibat dengan zina dan terpengaruh dengan keseronokan palsu yang terdapat dalam video pornografi. Antara kaedah terbaik yang dilihat mampu menghindarkan remaja dari terlibat dengan ketagihan pornografi adalah dengan pendidikan dan penghayatan agama yang baik dalam diri. Hal ini kerana tiada agama di dunia yang mengajar penganutnya melakukan perbuatan yang merosakkan diri (Amirul & Noraini, 2021).

Pendidikan seksual merupakan usaha pengajaran, kesedaran dan penerangan tentang masalah-masalah seksual kepada anak, sehingga dia faham apa yang halal dan apa yang haram. Dia bahkan mampu untuk menerapkan akhlak Islam sebagai kebiasaan hidup serta tidak diperhambakan syahwat dan tenggelam dalam gaya hidup hedonis. (Ulwan, 2007). Menurut perspektif Islam, konsep pendidikan seksual bukanlah sesuatu yang perlu dielakkan, bahkan kita akan dapati banyak panduan daripada al-Quran dan Sunnah berkaitan perkara ini. Abdullah Nasih Ulwan, 2007 menggariskan beberapa kaedah pendidikan seksual yang bersandar kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW, antaranya ialah etika meminta izin, etika melihat, menghindarkan anak dari rangsangan-rangsangan seksual, mengajarkan hukum kepada anak apabila tiba masa baligh, perkahwinan dan juga tatacara hubungan suami isteri.

Ini jelas menunjukkan bahawa Islam telah menjelaskan secara terperinci berkenaan aspek pendidikan seksual terhadap anak-anak. Al-Quran sebagai petunjuk buat umat manusia, telah menggariskan panduan yang jelas tentang permasalahan ini secara umum dan dijelaskan lagi oleh hadis-hadis Rasulullah SAW yang menghuraikan peraturan dan tatacara hidup manusia di atas fitrah yang bersih. Tidak dinafikan hanya dengan mengikut panduan Allah SWT dan Rasulullah SAW sahaja yang akan membawa manusia kepada keselamatan di dunia dan akhirat, dan jika terseleweng dari jalan ini akan membawa kepada rosaknya fitrah manusia yang sejahtera dan akan mendatangkan banyak masalah di dunia serta kesengsaraan di akhirat.

PENDEKATAN SURAH AL-NUR DALAM PENDIDIKAN SEKSUAL

Surah al-Nur merupakan surah *Madaniyah* yang menjelaskan hukum hakam kehidupan yang perlu ditaati oleh setiap orang beriman. Ia mengajarkan manusia cara untuk menjalani kehidupan dengan berteraskan hukum Allah SWT bagi memastikan kehidupan yang harmoni dan terpelihara dari kerosakan. Dalam Surah al-Nur ayat 30 hingga 33, Allah SWT telah menjelaskan tentang asas pendidikan seksual bagi mengekang masalah salah laku ini kepada golongan yang terlibat. Antara intipati utama yang akan menjadi fokus dalam kajian ini ialah menundukkan pandangan, menjaga kemaluan, anjuran untuk bertaubat, anjuran untuk berkahwin dan perintah untuk memelihara kehormatan.

1. Menundukkan Pandangan

Firman Allah SWT:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۖ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۖ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah SWT Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan.” (Al-Nur 24:30)

Sayyid Quthb (2009) menjelaskan bahawa menundukkan pandangan dari pihak laki-laki merupakan adab peribadi dan juga merupakan bentuk usaha seorang mukmin untuk

menghentikan keinginan nafsu untuk melihat kecantikan dan keinginan dari wajah dan tubuh. Daripada ayat ini, dapat difahami bahawa pandangan yang haram termasuk menonton video lucah akan membawa kepada musibah yang lebih berat yang akan merosakkan maruah seseorang. Ini disebabkan pandangan adalah kunci masuk ke dalam perbuatan-perbuatan mungkar, menjadikan hati dan fikiran dipenuhi dengan pelbagai khayalan dan keinginan-keinginan, pintu masuk kepada fitnah zina, sumber kerosakan serta tindakan tidak bermoral. (Wahbah Zuhaili, 2010). Tujuan Islam menahan pandangan adalah untuk mencipta satu masyarakat yang bersih, yang tidak akan terjadi di dalamnya gelombang syahwat, yang tidak akan terpengaruh oleh rangsangan berahi di setiap waktu (Sayyid Qutb, 2009).

Sabda Nabi SAW:

يَا عَلِيُّ لَا تُتَّبِعِ النَّظْرَةَ النَّظْرَةَ فَإِنَّ لَكَ الْأُولَى وَلَيْسَتْ لَكَ الْآخِرَةُ

“Wahai Ali, jangan ikuti pandangan (pertama) dengan pandangan (berikutnya), kerana pandangan pertama milik anda (tidak berdosa) sedangkan pandangan berikutnya bukan milik anda (berdosa).” (HR. Tirmizi, no. 2701 dan ada dalam Sahih Al-Jami. no. 7953).

Berdasarkan hadis di atas, pandangan pertama adalah pandangan secara tiba-tiba tanpa disengajakan. Pandangan itu akan melahirkan bisikan dalam hati, bisikan dalam hati melahirkan pemikiran, pemikiran menumbuhkan nafsu, lalu nafsu menumbuhkan hasrat. Selanjutnya hasrat terus membesar sehingga menimbulkan keinginan kuat yang tidak lagi boleh dikendalikan hingga terjadilah perbuatan keji. Demikianlah pentingnya usaha untuk menundukkan pandangan supaya seseorang manusia itu terus menutup pintu-pintu fitnah dan maksiat melalui pandangan mata. Justeru perkara utama untuk menghalang maksiat adalah dengan menjaga pandangan.

Al-Maraghi (2001) ketika menghuraikan ayat 30-31 surah al-Nur, beliau menerangkan maksud menundukkan pandangan dan hikmahnya. Beliau membawa kata-kata penyair Ahmad Syauqi: *“Pandangan, kemudian senyum, kemudian salam, kemudian berkata-kata, kemudian perjanjian, kemudian perjumpaan”*. Beliau juga membawa kata-kata penyair yang menyatakan bahawa memandang boleh membawa kepada zina dan perkara-perkara keji.

Menurut Sayyid Qutb (2009), antara kesan atau akibat tidak menjaga pandangan ialah nafsu akan merasai kepuasan secara liar tanpa terikat kepada sesuatu peraturan. Selain itu, ia akan menimbulkan penyakit-penyakit saraf dan kompleks-kompleks jiwa akibat menahan nafsu selepas ia dirangsangkan kerana proses ini merupakan satu proses yang hampir sama dengan penyeksaan jiwa.

Menjaga Kemaluan

Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۚ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَائِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۚ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۚ مِنْ زِينَتِهِنَّ ۚ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah SWT, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.” (Al-Nur 24:31)

Ibn Kathir (2000) menyebutkan, “*Katakanlah kepada wanita yang beriman, ‘Hendaklah mereka menahan pandangan mereka.’*” yakni dari perkara yang haram mereka lihat, antaranya melihat lelaki selain suami mereka. Qatadah dan Sufyan mengatakan: “*Dari perkara yang tidak halal bagi mereka.*” Muqatil mengatakan: “*Dari perbuatan zina.*” Abul ‘Aliyah mengatakan: “*Seluruh ayat dalam al-Qur’an yang disebutkan dalamnya perintah menjaga kemaluan, maka maksudnya adalah menjaganya dari perbuatan zina, kecuali ayat ini, maksudnya adalah agar tidak terlihat oleh seorang pun.*” Oleh kerana itulah Allah SWT memerintahkan kita untuk menjaga kemaluan sebagaimana Dia memerintahkan kita untuk menjaga pandangan yang merupakan pendorong ke arah itu. Allah SWT berfirman: “*Katakanlah kepada laki-laki yang beriman: ‘Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya.’*”) menjaga kemaluan kadangkala maksudnya adalah mencegah diri dari perbuatan zina. (Ibn Kathir: 2010)

Bertaubat

Taubat merupakan salah satu jalan pembaikan (*islah*) yang wajib dilakukan setiap Muslim, termasuklah bagi mereka yang bertekad meninggalkan ketagihan pornografi. Taubat yang dilakukan hendaklah memenuhi empat syarat taubat iaitu: Meninggalkan perbuatan dosa, menyesalinya, bertekad untuk tidak mengulangnya dan mengembalikan hak kepada pemiliknya. Taubat adalah amalan mensucikan batin atau hati dari segala dosa. Umat Islam wajib bertaubat dan benar-benar insaf tentang hakikat dosa melayari laman web pornografi dan Allah SWT melaknati manusia yang mempunyai mata yang digunakan untuk melakukan maksiat. Al-Ghazali menggariskan beberapa kaedah untuk memohon keampunan bagi menghapuskan dosa yang dilakukan, iaitu dengan bertaubat nasuha, melakukan amalan yang baik sama ada yang wajib mahupun yang sunat, bersedekah dan mengeluarkan zakat (al-Ghazali, 2006).

Al-Qushayri (2004) juga memulakan tingkat pertama yang dialami oleh para sufi dengan taubat. Langkah pertama yang mesti diambil oleh seorang Muslim untuk bertaubat ialah menjauhkan diri (*uzlah*) daripada orang yang melakukan kejahatan. Ini kerana orang-orang ini akan terus mendorong mereka untuk mengingkari tekad mereka dan mengganggu kelurusan niat mereka untuk bertaubat. Benteng syahadah yang kukuh akan meningkatkan keinginan untuk taubat, ketetapan hati, dan rasa takut (*khawf*) dan harapan (*raja*).

Menurut al-Qushayri (2004), takut merujuk kepada perkara yang akan berlaku, kerana seseorang hanya takut jika sesuatu yang tidak menyenangkan menimpanya atau sesuatu yang menyenangkan luput darinya. Takut tidak membawa kepada perkara yang telah berlaku sebelum ini. Takut kepada Allah SWT bermakna takut akan akibat duniawi dan akhirat. Dalam kebanyakan kes, tindakan atau amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT membosankan hati dan melelahkan anggota badan atau bertentangan dengan kelazatan dosa. Untuk menyingkirkan kebiasaan berbuat dosa dan bangkit untuk membersihkan jiwa, usaha perlu dilakukan dalam jiwa dengan menanam rasa takut terhadap siksaan akhirat dan hak Allah SWT. Untuk mendapat rasa takut ini boleh dicapai dengan membaca al-Quran dan memahami maksudnya. Apabila ada ketakutan dalam hati seseorang, maka ketagihan untuk melakukan dosa akan hilang, mereka akan menyesal, bertaubat, khusyuk dan kembali kepada Allah SWT. (Amir An-Najar, 2004)

Raja' juga mempunyai hubungan yang erat dengan *khawf* seperti firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf (7:56) yang memerintahkan manusia supaya berdoa atau bermohon dengan perasaan takut dan penuh harapan (Amir An-Najar, 2004). Harapan dapat membangkitkan semangat untuk beramal soleh, sebaliknya jika hati berasa malas untuk beramal, maka harapan bahawa amal yang soleh akan mendapat balasan yang baik dari Allah SWT perlu dibangkitkan. Sikap inilah yang perlu diperlihatkan oleh setiap umat Islam sebagai Mukmin sejati yang benar-benar mengharap pada Tuhannya (al-Muhāsibi, 1929). Manusia yang menyedari kelemahan diri dan kurangnya upaya diri sebagai makhluk dalam membenteng dirinya dari mengulangi perbuatan dosa, caranya adalah dengan azam yang kuat dan berharap kepada rahmat Allah SWT agar diampunkan dosa dan dihindarkan dari melakukan dosa tersebut. Sesungguhnya amat mudah bagi Allah SWT untuk memberikan rahmat kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya (al-Ghazāli, 2006.).

Berkahwin

Pelbagai cara telah disarankan oleh al-Quran dan Sunnah agar manusia dapat menjaga kehormatan diri. Menurut Sayyid Qutb, (2020) Islam tidak mewajibkan manusia menjaga kesucian diri melainkan setelah ia menyediakan segala jalan keluar ke arah itu dan menjadikannya mudah digunakan oleh semua individu yang normal iaitu perkahwinan. Ketika itu tiada lagi individu yang ingin menggunakan jalan yang sumbang untuk memuaskan nafsu mereka seperti berzina, bersekedudukan dan sebagainya.

Firman Allah SWT:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah SWT akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah SWT Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui” (An-Nuur 24:32)

Islam merupakan agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia yang tidak menentang naluri dan perasaan mereka. Di sebalik pengharaman melihat perkara yang haram, Allah SWT menyediakan jalan terbaik untuk menyalurkan naluri tersebut dengan jalan yang halal iaitu dengan jalan pernikahan. Tujuan pernikahan ini ialah untuk memenuhi keperluan syahwat serta memudahkan untuk menundukkan pandangan dari yang haram dan memelihara kemaluan dari yang tidak halal. Imam asy-Syaukani menyebutkan: *“Allah SWT mengarahkan kepada hal-hal yang dihalalkan bagi para hamba, iaitu nikah, yang dengannya dapat memenuhi keperluan syahwat serta memudahkan untuk menundukkan pandangan dari yang diharamkan dan memelihara kemaluan dari yang tidak halal.”* (Asy-Syaukani, 2011)

Hamka (2020) mengatakan: *“Adalah amat berbahaya membiarkan terlalu lama seorang lelaki muda tidak beristeri, atau lama lama seorang gadis tidak bersuami. Penjagaan kampung halaman dengan agama yang kuat dan adat yang kukuh mungkin dapat membendung daripada terjadinya pelanggaran akhlak. Tetapi penyelidikan- penyelidikan ilmu jiwa di zaman moden menunjukkan bahawa banyak penyakit jiwa adalah disebabkan tidak lepasnya nafsu kelamin. Bertambah moden pergaulan hidup sekarang bertambah banyak hal-hal yang akan merangsang nafsu kelamin. Bacaan-bacaan cabul, filem-filem yang mempesona dan menggerak syahwat, semuanya berakibat kepada sikap hidup. Masyarakat Islam harus berhati-hati akan bahaya ini, sebab itulah ayat 32 surah an-Nur haruslah dijadikan pegangan.”*

Dalam realiti masyarakat moden kini, perkahwinan semakin dilihat sebagai satu perkara yang membebaskan. Ini adalah hasil daripada trend belanja kahwin yang semakin meningkat, yang menyebabkan pelbagai masalah kepada pasangan yang ingin berkahwin. Jika masyarakat

tidak didedahkan dengan asas dan pendirian Islam dalam isu ini, keadaan ini akan menjadi lebih teruk. Perbelanjaan perkahwinan pada masa kini tidak lagi terhad kepada mas kahwin dan walimatul urus, malah pelbagai adat dan norma perkahwinan dalam masyarakat setempat telah menyebabkan pelbagai bentuk elemen kos yang berkaitan. (Syh Noorul Madiah et.al, 2014). Oleh kerana itu, Allah SWT s.w.t telah memerintahkan masyarakat Muslim supaya menolong dan membantu orang-orang yang ingin berkahwin dengan cara memudahkan urusan perkahwinan mereka sebagai salah satu usaha untuk memelihara kehormatan diri dan mengelakkan dari terjebak dalam kancuh maksiat.

Memelihara Kehormatan

Firman Allah SWT:

وَلَيْسَتَعْفِ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَالَّذِينَ يَبْتَغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ
فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۚ وَآتُوهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا فَتِياتِكُمْ عَلَى الْبِغَاءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا
لَتَبْتَغُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۚ وَمَنْ يُكْرِهْهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah SWT memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya; dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah SWT yang telah dikurniakan kepada kamu. Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah SWT - sesudah paksaan yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Al-Nur 24:33)

Al-Isti'faf bererti usaha untuk menjadi orang yang ‘*afif*’ (terjaga dan terpelihara dari perbuatan keji dan tidak bermoral). Dalam ayat ini, Allah SWT memerintahkan setiap orang yang belum mampu untuk bernikah supaya bersungguh-sungguh menjaga kesucian dirinya

(Wahbah Zuhaili, 2010). Bagi mereka yang terlibat dalam pornografi, ini adalah satu usaha untuk mengekalkan kawalan diri dan menghalang diri mereka daripada terlibat dalam perbuatan yang dilarang. Allah SWT memberi nasihat kepada mereka yang tidak dapat berkahwin supaya menjadi *iffah*, menahan nafsu dan syahwat, mengekalkan kehormatan diri dan tidak melepaskan hasrat untuk mendirikan rumahtangga.

Salah satu dari sifat *iffah* iaitu menjauhkan diri dari hal-hal yang tidak baik dan juga bererti kesucian tubuh dengan memelihara kehormatan diri dari segala hal yang akan merendahkan, merosak dan menjatuhkannya. Nilai wibawa seseorang wanita muslimah tidaklah ditentukan dari kekayaannya dan jabatannya dan tidak pula ditentukan oleh bentuk rupanya, tetapi ditentukan oleh kehormatan dirinya (Yunahar Ilyas, 2000)

Selanjutnya dalam usaha untuk memelihara kehormatan, Allah SWT menyeru wanita agar menutupkan kain tudung ke dada mereka. Perintah ini juga bermaksud larangan untuk menampakkan perhiasan atau keindahan tubuh wanita atau melakukan sesuatu yang dapat menarik perhatian lelaki. Contohnya dengan menghentakkan kaki mereka yang memakai gelang kaki atau hiasan lainnya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan seperti anggota tubuh mereka akibat suara yang lahir dari cara berjalan mereka itu, dan yang dapat merangsang mereka. Demikian juga wanita dilarang memakai wangian yang dapat merangsang lelaki yang ada di sekitarnya.

Firman Allah SWT:

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۖ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah SWT, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung. (Al-Nur 24:31)

Ayat ini mengandungi perintah Allah SWT kepada kaum wanita untuk memelihara dirinya dengan menutup auratnya dengan sempurna, untuk menjaga kejahatan yang menimbulkan kekacauan dalam masyarakat. Menetapkan bahawa wanita muslimah ditegaskan kewajiban untuk menutup seluruh perhiasan, tidak memperlihatkan sedikit pun perhiasan, tidak memperlihatkan sedikit pun diantaranya kepada lelaki-lelaki ajnabi, kecuali perhiasan yang tampak tanpa kesengajaan dari mereka (kaum wanita) maka mereka tidak dihukum kerana ketidak sengajaan itu jika mereka bersegera menutupnya (Muhammad Nashiruddin, 2018).

KESIMPULAN

Isu ketagihan pornografi perlu diberi perhatian khusus oleh pelbagai pihak terutamanya ibu bapa dan setiap peringkat institusi pengajian dalam memberikan maklumat dan pendidikan yang tepat dengan pendekatan Islam. Walaupun dianggap tabu, isu pendidikan seksual merupakan isu penting dalam pendidikan anak-anak bagi menangani masalah salah laku akhlak. Dalam berhadapan dengan isu ini, umat Islam perlulah merujuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah kerana di situ terdapat penyelesaian kepada segala permasalahan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa syariat Islam telah menyediakan panduan dan pedoman yang jelas dalam isu pendidikan seksual bagi memelihara kehormatan diri agar tidak terjerumus ke dalam maksiat termasuklah menonton perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Allah SWT sebagai pencipta manusia, telah menetapkan hukum yang wajib diikuti oleh manusia bagi menjaga fitrah mereka agar kekal bersih dari sebarang pencemaran dan kekotoran. Dalam ertikata lain, setiap manusia itu diciptakan sebagai fitrah, suci, baik dan cenderung kepada kebaikan kerana mereka itu datangnya daripada Allah SWT, justeru itu adalah wajar agar seluruh kehidupan manusia itu berjalan atas dasar fitrah dan bertepatan dengan aturan yang Allah SWT inginkan, bukan yang manusia itu inginkan. Atas dasar ini jugalah, sebarang pelanggaran atau pertentangan dengan fitrah, maka ia juga merupakan pelanggaran terhadap ajaran agama Islam dan menentang arus landasan syariatnya. Ia merupakan satu perkara yang amat tidak wajar dilakukan khususnya oleh umat Islam.

Kajian ini turut menangkis konsep pendidikan seksual hanya berorientasikan kebebasan yang diperjuangkan oleh Barat. Sebaliknya, Islam mengiktiraf aspek seksualiti sebagai elemen penting dalam kehidupan manusia dan perlu diatur dengan sewajarnya berteraskan syariat Islam.

Disebabkan itu, kerangka pendidikan dalam Islam adalah lebih menyeluruh berbanding Barat dengan menekankan kewajipan memelihara kehormatan diri dan mengajarkan adab-adab dan batasan-batasan seperti yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah.

RUJUKAN

Al-Quran

Ashadi, A (2022). Konstektualisasi Surah Al-Nur ayat 11-20. Open Journal System Indonesia Kontemporer. *MASHDAR JURNAL STUDI AL-QUR'AN DAN HADIS*

Abdullah Nasih Ulwan, Dr. (2015) Tarbiyatul Aulad Fil Islam. Terj. Selangor: Publishing House

Afandi, A (2019). Konsep Pendidikan Seks Dalam Perspektif Al-Qur'an Surah An-Nur Ayat 58-61 Dan An-Nisa Ayat 22-23. Al-Ghazali Abu Hämid Muhammad Ibn Muhammad. (2006). Minhaj Al- Abidin: Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadah. Abu Mazaya Al-Hafiz (terj.), c. 2. Johor bahru: Perniagaan Jahabersa.

Ali, SMM, & Abdullah, A (2023). Kawalan Sosial Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak dalam Penglibatan Pornografi. *Jurnal Wacana Sarjana*, spaj.ukm.my, <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/523>

Alim, A, & Khalil, NB (2023). Importance of Sex Education for Children According to Abdullah Nasih Ulwan. *1st UMSurabaya Multidisciplinary*, atlantis-press.com, <https://www.atlantis-press.com/proceedings/micon-21/125986555>

Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (2001). Tafsir al-Maraghiy (Terj.. Muhammad Talib: Tafsir al-Maraghiy). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Muhasibi. (1929). Al-Masa' il fi A'mal al-Qulüb wa al-Jawärih. Kaherah: 'Alam al-Kutub.

Al-Qushayri, 'Abd al-Karim ibn Hawäzin. (2004). Risalah Suf Al-Qusyairi. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Amir An-Najar. (2004). Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern. Lja Suntana (terj). Jakarta Selatan: Penerbit Hikmah.

Ashraaf, MA, & Othman, N (2019). Factors for pornography addiction and its implication on teenager personality. *Int. J. Acad. Res. Bus. Soc. Sci*, researchgate.net,

https://www.researchgate.net/profile/NoorainiOthman/publication/340450827_Factors_for_Pornography_Addiction_and_its_Implication_on_Teenager_Personality/links/5eb9fc1c4585152169c83564/Factors-for-Pornography-Addiction-and-its-Implication-on-Teenager-Personality.pdf

Asy-Syaukani, (2011). *Tafsir Fath al-Qadir* Jilid 9. Jakarta: Pustaka Azzam.

Bahri, S (2020). Pendidikan Seks untuk Anak dalam Perspektif AlQuran dan Hadis. *Misykat al-Anwar Jurnal Kajian Islam dan Masyarakat*, jurnal.umj.ac.id, <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/MaA16/article/view/5632>

Bakhtiar, N (2020). Pendidikan Seks Bagi Anak Usia Dini Menurut Hadist Nabi. *Generasi Emas: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia*, journal.uir.ac.id, <https://journal.uir.ac.id/index.php/generasiemas/article/view/5383>

BERNAMA. (2019, Mac 23). 80 peratus kanak-kanak 10-17 tahun tonton pornografi. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/544573/80-peratuskanak-kanak-10-17-tahun-tonton-pornografi>

Dzuren, ANS, Jie, FY, Anuar, NMAM, Nadzri, NAM, & ... (2021). Penglibatan Belia Dalam Isu Ketagihan Bahan Pornografi, Kesan Dan Langkah Menangani Ketagihan. *e-BANGI*, eprints.utm.my, http://eprints.utm.my/id/eprint/98332/1/AleeyahNurSabrina2021_PenglibatanBeliadalamIsuKetagihanBahan.pdf

Galeri - MAP (malaysiansagainstpornography.com)

HAMKA. (2020). *Tafsir Surah An-Nur dan Juzuk 18*. Selangor: PTS Publishing House

Hasan, WR, Abdullah, MFR, & Yusoff, AM (2020). *Perspektif Sayyid Quṭb Tentang Isu Penjagaan Pandangan Berdasarkan Ayat 30-31 Surah Al-Nur*. *Jurnal Pengajian Islam*, jpi.kuis.edu.my, <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/48>

Ibn Kathir, Imad al-Din. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Muassasah Qurtubah

Ilham, L (2019). Pendidikan Seksual Perspektif Islam dan Prevensi Perilaku Homoseksual: *Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, e-journal.iain-palangkaraya.ac.id, <https://e-journal.iain-palangkaraya.ac.id/index.php/nalar/article/view/1023>

- Ismail, D. W. (2012, April 27). Pornografi. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/pornografi/>
- Ismail, WAFW, Baharuddin, AS, Mutalib, LA. (2023). Salah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: The Effect of the Absence of Digital Literacy on Muslim Adolescent Sexual Misconduct in Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan ...*, ejpi.kuis.edu.my, <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/97>
- Muhammad Al-Mahalli, Abdurahman as-suyuthi. (2015). Tafsir Jalalain Jilid 2 (Surabaya: PT.eLBA Fitra Mandiri Sejahtera, Cetakan ke II.
- Muhammad Nashiruddin Al Albani, (2018) Jilbab Wanita Muslimah Menurut Al-Quran dan Sunnah (Solo: At-Tibyan, Cetakan ke XI.
- Nawangsari, D (2015). Urgensi pendidikan seks dalam islam. *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*, ejournal.iainmadura.ac.id, <http://ejournal.iainmadura.ac.id/index.php/tadris/article/download/639/599>
- Nor Azah Abdul Aziz Che Zarrina Saari. (2011). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Amalan Spiritual. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 29-46.
- Norman, AA, & Othman, N (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, journalarticle.ukm.my, <http://journalarticle.ukm.my/15529/1/43488-139741-1-SM.pdf>
- Rahmadani, R (2020). Analysis of Sexual Education in Adolescents (Study Of The Qur'an Surah An-Nur Verses 30-31). *JIEBAR: Journal of Islamic ...*, e-journal.stit-islamic-village.ac.id, <https://e-journal.stit-islamic-village.ac.id/jiebar/article/view/100>
- Rahmadani, R (2020). Analysis of Sexual Education in Adolescents (Study Of The Qur'an Surah An-Nur Verses 30-31). *... : Journal of Islamic Education ...*, e-journal.stit-islamic-village.ac.id, <https://e-journal.stit-islamic-village.ac.id/jiebar/article/view/100>
- Rahman, NQ (2021). Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Pornografi Terhadap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, spaj.ukm.my, <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/355>

- Rassool, GH, Khan, MA, Mabud, SA, & Ahsan, M (2020). *Sexuality education from an Islamic perspective*. books.google.com,
<https://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=wlfSDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR5&dq=sexual+education+in+islam&ots=YO8eZ7BAjR&sig=X4FzXnJftmMlbP6j-k6O0-dPTgw>
- Razak, TMTA, Alim, NNAA, & ... (2021). Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam: Pornography Among Z Generation Adolescents From The Islamic Perspective. *Online Journal of Health and Translational Medicine*. jummec.um.edu.my, <http://jummec.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/32196>
- Sarnon, N, Sharif, NHM, Mokhtar, D, Zakaria, SM, & ... (2020). “Tahu Salah Tapi Mahu”: Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi (It's Wrong But I Still Want It: The Challenges for Teenage Girls Staying Away *Psikologi Malaysia*, spaj.ukm.my, <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/view/575>
- Sayyid Quthb, Tafsir Fi Zilal Al-Quran (Di Bawah Naungan Al- Quran), trans. oleh As'ad Yasin (Jakarta: Gema Insani Press, 2009).
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman. (2014). Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam, *Shariah Journal*, Vol. 22.
- Tan, SA, Goh, YS, Zaharim, N Mohd, Gan, SW, & ... (2022). Problematic internet pornography use and psychological distress among emerging adults in Malaysia: Gender as a moderator. *International Journal of ...*, mdpi.com, <https://www.mdpi.com/1660-4601/19/6/3682>
- Wahbah Zuhaili. (2010) Tafsir al-Munir. Beirut: Dar al-Fikr
- Yunahar Ilyas, Kuliah Akhlaq. 2000. Yogyakarta, Lembaga Pengkajian dan Pengalaman Islam, Cetakan ke II.